



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 AUGUST 2016

Najib tandatangani buku takziah kematian Nathan

KUALA LUMPUR 26 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menandatangani buku takziah di Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini sebagai penghormatan kepada bekas Presiden Singapura, S. R. Nathan yang meninggal dunia pada Isnin.

Ketibaan Najib di suruhanjaya itu pada kira-kira 8.30 pagi disambut Pesuruhjaya Tinggi Singapura, Vanu Gopala Menon dan beliau meluangkan masa kira-kira 10 minit sebelum beredar daripada Suruhanjaya Tinggi itu.

Bercakap kepada pemberita, Najib yang mewakili pihak kerajaan dan rakyat Malaysia merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang bekas presiden itu.

"Mendiang bekas presiden semasa beliau berkhidmat sebagai pesuruhjaya tinggi dan kemudiannya sebagai presiden Singapura telah banyak memainkan peranan dalam memperkukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan Singapura.

"Untuk itu, kerajaan amat menghargai semua sumbangannya itu," kata Najib.

Nathan, 92, meninggal dunia di Hospital Besar Singapura pada 9.48 malam, Isnin lepas.

Nathan yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia pada 1988 merupakan Presiden Singapura yang paling lama menyandang jawatan itu selama dua penggal dari 1999 hingga 2011.

Beliau secara rasmi berundur sebagai presiden keenam pada 31 Ogos 2011 dan diganti oleh presiden sekarang Tony Tan Keng Yam.

Di **SINGAPURA**, tiga menteri Kabinet Malaysia akan menghadiri upacara pengebumian Nathan hari ini, menurut Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura.

Tiga menteri berkenaan ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup serta Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin. - BERNAMA



S. R. NATHAN